

13 MAR 1999

Sabah-Kadazandusun (Analisis Berita)

MASYARAKAT KADAZANDUSUN RUGI BESAR PADA PILIHAN RAYA SABAH

Oleh: Eddy Lok

KOTA KINABALU, 13 Mac (Bernama) -- Masyarakat Kadazandusun ialah yang rugi besar pada pilihan raya Sabah kesembilan yang baru berakhir.

Ini kerana mereka bukan sahaja kehilangan pemimpin untuk mewakili mereka berikutan kekalahan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok tetapi cuma dua daripada 16 calon Barisan Nasional (BN) dari masyarakat Kadazandusun yang menang.

Kedua-dua calon BN dari masyarakat Kadazandusun yang menang ialah Datuk Siringan Gubat di Ranau dan Datuk Wences Angang di Kuala Penyu.

Mereka nampaknya menolak calon-calon BN dari kaum Kadazandusun dan sebaliknya memberi sokongan kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan yang mereka anggap sebagai "Huguan Siou (Pemimpin Agung) mereka.

BN menang 31 kerusi dan PBS 17.

Berikutan kedudukan PBS yang kembali sebagai pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri, representasi masyarakat itu dalam kerajaan BN yang kembali berkuasa semakin lemah.

Selain Dompok, yang juga presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), calon BN dari masyarakat Kadazandusun yang tewas ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup dan Datuk Wilfred Bumburing.

Kurup ialah presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Bumburing Timbalan Presiden PDS.

Yang menjadi persoalan sekarang ialah siapakah akan menjadi pemimpin Kadazandusun menggantikan Dompok sebagai Ketua Menteri mewakili masyarakat Bumiputera bukan Islam di bawah sistem penggiliran jawatan Ketua menteri.

Dompok masih mempunyai tempoh lebih setahun bagi menamatkan penggalnya.

Adakah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengeryusi BN akan menamatkan sistem penggiliran itu memandangkan masyarakat Kadazandusun telah menolak Dompok dan kebanyakan calon-calon PDS yang bertanding atas tiket BN.

Dr Mahathir, dalam kenyataan pertamanya mengenai kemenangan BN di kediamannya di Kuala Lumpur berkata sistem penggiliran jawatan akan diteruskan dan beliau akan berunding dengan Dompok dan pemimpin lain tentang siapakah akan dilantik sebagai Ketua Menteri yang baru.

Menurut sumber-sumber politik di sini, senario yang menjadi kemungkinan ialah penggal masyarakat Kadazandusun di bawah sistem itu dipendekkan.

Jika ini berlaku, jawatan ketua menteri besar kemungkinan disandang oleh Ketua Badan Perhubungan UMNO Sabah Datuk Osu Sukam yang berjaya mempertahankan kerusi Kawang dengan majoriti besar.

Masyarakat itu kehilangan pemimpin untuk mewakili mereka selepas Dompok tewas dan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan tidak dapat membentuk kerajaan kerana PBS cuma menang 17 daripada 48 kerusi.

Pairin sebelumnya yakin untuk memenangi pilihan raya kali ini tetapi beberapa kerusi jatuh kepada BN, sebahagiannya disebabkan pecahan undi berikutan kehadiran Parti Bersekutu.

Beliau juga mendakwa kekalahannya juga disebabkan oleh persempadanan semula kawasan pilihan raya yang mengurangkan kawasan majoriti Kadazandusun.

Dompok sebaliknya berikrar untuk bersara daripada politik jika tewas pada pilihan raya.

Representasi Kadazandusun dalam kerajaan negeri yang baru mungkin boleh ditambah jika misalnya, parti yang memerintah membuat keputusan untuk melantik beberapa orang dari masyarakat itu untuk mengisi posisi enam anggota dilantik.

Tetapi sekarang, masyarakat Kadazandusun harus berpuas hati kerana menjadi pembangkang yang kuat dalam Dewan Undangan Negeri.

Pengarah eksekutif sebuah kumpulan pemikir Kadazandusun, Wilfred Tanggau, berpendapat bahawa masyarakat Kadazandusun mempunyai pilihan sama ada bekerjasama dengan BN atau diketepikan.

Dr Yaakub Johari, pengarah eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) berkata beberapa hari sebelum pengundian, beliau berpendapat masyarakat Kadazandusun tidak akan lari daripada ikatan sentimental kepada PBS dan Pairin.

"Masyarakat Kadazandusun sedar bahawa mereka akan rugi jika memilih pembangkang tetapi pada masa yang sama mereka tidak akan meninggalkan Huguan Siou mereka," katanya.

Daripada 12 kawasan yang mempunyai majoriti Kadazandusun, PBS tewas di Ranau dan Kemabong tetapi menang di lima kawasan yang mempunyai pengundi Cina dan pengundi campuran.

--BERNAMA
EL THG FAZ